

# 'Chinatown': BN belum buat keputusan — PM

KUALA LUMPUR 28 Julai — Barisan Nasional (BN) belum lagi membuat sebarang keputusan berhubung dengan cadangan MCA hendak menubuhkan "Pusat Kebudayaan Cina" (Chinatown), kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau menegaskan, sehingga kini belum ada keputusan dibuat oleh BN mengenai cadangan tersebut walaupun ada dakwaan yang menyatakan kononnya ia telah persetujuan pada prinsipnya.

Menurutnya, adalah lebih senang menyatakan cadangan itu dipersetujui secara prinsip tetapi kalau butir-butir terperinci mengenai cadangan tersebut tidak diterima ia akan menyulitkan lagi.

Perdana Menteri menyatakan demikian sebagai mengulas cadangan penubuhan Chinatown yang masih tertunda dan belum diketahui nasibnya sehingga kini.

"Rancangan menubuhkan pusat itu memang menimbulkan kontroversi, jadi saya bersama dengan Dato' Sri Dr. Ling Liong Sik bersetuju supaya perkara ini dikemukakan kepada BN," jelasnya kepada para pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan MCA di sini.

Beliau memberi jaminan bahawa per-

karanya itu akan dipertimbangkan atas kesesuaiannya dalam masyarakat majmuk di Malaysia.

"Apa juga masalah dalam BN haruslah dibincangkan secara tertutup bagi mengelakkan orang lain mengambil kesempatan.

"Perkara ini jika dibincangkan secara umum akan mengakibatkan ketegangan dan ini sudah tentu menggagalkan kita mencapai satu keputusan yang bijak," tambahnya.

Menurut Perdana Menteri, keputusan mengenai perkara itu belum dicapai kerana BN tidak membuat sesuatu keputusan mengikut sesuka hati tetapi dengan persetujuan rakan-rakan lain.

"Bagilah peluang kepada parti-parti komponen BN lain untuk berbincang dan mengeluarkan pandangan tentang soal itu," jelas beliau.

Mengenai mesyuarat Dewan Tertinggi BN esok, katanya, mesyuarat itu akan menimbang permohonan Parti Liberal Demokratik (LDP) dari Sabah, PERMAS dari Sarawak dan sebuah parti baru Melayu di Terengganu untuk menganggotai BN.

Bagaimanapun, beliau tidak menamakan parti baru Melayu di Terengganu itu.